

Bahagian A

[30 markah]


Jawab **semua** soalan.

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2024. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

(a) (i) Berikan rujukan grid 6 angka bagi masjid di kawasan tepubina Nagasari.


[2 markah]

(ii) Kirakan keluasan hutan primer dalam segi empat grid berikut.



[2 markah]

(b) (i) Nyatakan pola petempatan dalam segi grid berikut.




[1 markah]

(ii) Jelaskan faktor yang mempengaruhi pola petempatan dalam segi empat grid di atas.

[3 markah]

(c) Merujuk kepada segi empat grid berikut, wajarkah pihak kerajaan membina sebuah empangan? Berikan alasan anda.



[3 markah]

(d) Cadangkan kegiatan ekonomi yang berpotensi dibangunkan tanpa menjejaskan keaslian alam sekitar di barat daya.

[4 markah]

Soalan 2 berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Jumlah Penduduk Malaysia Mengikut Jantina dari Tahun 2017 hingga 2020

Tahun	Jumlah Penduduk (Juta Orang)	
	Lelaki	Perempuan
2017	16.3	15.4
2018	16.7	15.7
2019	16.8	15.8
2020	16.8	15.9

2 a) Berdasarkan Jadual 1, lukis sebuah graf bar berganda yang menunjukkan jumlah penduduk Malaysia mengikut jantina dari tahun 2017 hingga 2020. Gunakan skala 1 cm bersamaan 1 juta orang.
[Sila lukis pada kertas graf]

[7 markah]

b) Berdasarkan graf berganda yang telah anda lukis, terangkan pola jumlah penduduk mengikut jantina dari tahun 2017 hingga 2020.


[4 markah]

c) Pada pendapat anda, apakah faktor yang mempengaruhi perubahan jumlah penduduk di Malaysia.

[4 markah]



Soalan 3 berdasarkan Peta 1.



(a) Namakan fenomena cuaca di kawasan bertanda X berdasarkan nilai pH hujan.

[1 markah]

(b) Mengapakah hujan bernilai pH yang rendah direkod di kawasan bertanda X?

[3 markah]

(c) Terangkan kesan fenomena cuaca tersebut terhadap penduduk dan alam sekitar.

[3 markah]

(d) Bagaimanakah usaha yang berkesan untuk mengurangkan kejadian fenomena cuaca ini berlaku?

[3 markah]

Soalan 4 berdasarkan Foto 1 dan Foto 2.



Foto 1



Foto 2

(a) Nyatakan jenis luluh hawa berikut.

- (i) Foto 1 : _____
- (ii) Foto 2 : _____

[2 markah]

(b) Berikah dua contoh agen yang lain bagi jenis luluh hawa Foto 1.

[2 markah]

(c) Nyatakan dua pandang darat fizikal yang terdapat di Foto 2.

[2 markah]

(d) Terangkan kepentingan luluh hawa Foto 2 kepada manusia.

[4 markah]

Soalan 5 berdasarkan Foto 3.



Foto 3

(a) Apakah tindakan ombak yang membentuk bentuk muka bumi X?

_____ [1 markah]

(b) Namakan bentuk muka bumi berikut.

(i) X : _____

(ii) Y : _____

[2 markah]

(c) Cadangkan kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan di kawasan bertanda Y.

[3 markah]

(d) Cadangkan usaha pemeliharaan di kawasan X dan Y.

[4 markah]

Bahagian C
[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

6 (a) Di atas Peta 1, di halaman **11**, namakan :

- (i) Bandar diraja bertanda **P**
- (ii) Bandar pelabuhan bertanda **Q**
- (iii) Bandar perkembangan industri petrokimia bertanda **R**
- (iv) Bandar ibu negeri **S**

[4 markah]

Rajah 1 menunjukkan hierarki petempatan.



Rajah 1 : Hierarki Petempatan


(b) Bandingkan ciri-ciri petempatan **P** dan **Q**.

[8 markah]

(c) Huraikan usaha pembangunan yang dapat meningkatkan hierarki petempatan **Q** mencapai ke tahap **R** dalam tempoh masa 15 tahun akan datang.

[8 markah]

Soalan 7 berdasarkan Peta 2.



Peta 2 : Semenanjung Malaysia

- (a) Jelaskan faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman ke lokasi berlorek. [6 markah]
- (b) Terangkan sumbangan pembukaan petempatan di kawasan tersebut terhadap pembangunan negara. [6 markah]
- (c) Setujukah anda pembukaan petempatan oleh kerajaan seperti ini diperluaskan ke negeri yang lain? Berikan alasan anda. [8 markah]

Soalan 8 berdasarkan foto berikut.
Foto berkaitan salah satu kegiatan ekonomi.



(a) Jelaskan ciri kegiatan ekonomi di dalam foto tersebut.

[6 markah]

(b) Terangkan faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di dalam 8(a).

[6 markah]

(c) Huraikan peranan sektor ekonomi di dalam foto tersebut terhadap pembangunan negara.

[8 markah]

Soalan 9 berdasarkan foto berikut.
Foto berkaitan penjanaan sumber tenaga.



(a) Jelaskan ciri-ciri sumber tenaga tersebut?

[6 markah]

(b) Apakah kesan penjanaan sumber tenaga tersebut terhadap alam sekitar?

[6 markah]

(c) Wajarkah Malaysia membangunkan penjanaan sumber tenaga tersebut? Berikan alasan anda.


[8 markah]



No. Kad Pengenalan : _____

Angka Giliran : _____

GEOGRAFI KERTAS 2
Peta 1 untuk Soalan No. 6 (a)



Peta 2 : Malaysia

P	
Q	

R	
S	